

## Pendekatan Dakwah kepada Orang Asli Suku Semai di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang

CHE YUSOFF CHE MAMAT  
AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS  
ANUAR PUTEH

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan dakwah yang berkesan kepada masyarakat Orang Asli khususnya kepada suku Semai di sebuah penempatan mereka iaitu di Sungai Ruai, Raub Pahang. Di samping itu kajian ini turut mengenal pasti halangan dakwah kepada sasaran. Bagi mencapai objektif tersebut, metodologi kajian lapangan dititikberatkan seperti temu bual dan pemerhatian turut serta. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah yang sesuai kepada golongan tersebut adalah program ziarah, keluarga angkat, kesenian Islam dan tayangan video, aktiviti gotong-royong, sukan dan sukaneka, program khidmat kesihatan, majlis dailog dan program motivasi. Manakala halangan dakwah yang dikenal pasti ialah penyebaran agama Kristian, masalah Penggerak Masyarakat dan sedang mengkaji (sedang memikir) tentang agama Islam untuk dianuti.*

### ABSTRACT

*The aim of this study is to explore the effective of da'wah approach towards Orang Asli (indigenous people) particularly among Semai ethnic in Sungai Ruai, Raub Pahang. This study also try to notify the obstacles of da'wah among this particular ethnic. The findings of this study show that there are several approaches which are applicable for this ethnic. They are visiting, fostering, Islamic art, video presentation, sport, health services, dialogue and motivation. Meanwhile, there are also exist several obstacle and challenges in da'wah such as Christian mission, the problem of Muslim Preacher and those of Orang Asli who are still thinking of converting Islam.*

### LATAR BELAKANG KAMPUNG SUNGAI RUAI

Kampung Sungai Ruai didiami oleh suku Semai yang terletak berhampiran dengan beberapa buah perkampungan Melayu seperti Kampung Kela dan Kampung Ulu Sungai. Ruai adalah bahasa Semai yang bermaksud roh dalam bahasa Melayu. Nama tersebut telah diberikan oleh generasi pertama perkampungan ini

kerana terlalu percaya kepada roh-roh. Menurut batin Sungai Ruai, Sedahi a/l Yok Along (temu bual 16 Mac 2002) oleh kerana kawasan perkampungan itu dilingkari dengan sebatang sungai, maka ia dinamakan Sungai Ruai. Jarak perkampungan dengan bandar Raub sejauh 27 km. Penduduknya berjumlah 232 orang yang terdiri daripada 43 buah keluarga. Daripada jumlah tersebut, 18 keluarga adalah Islam, 10 Kristian dan selebihnya 25 keluarga adalah animisme (JHEOA Raub 2002).

Perkampungan ini disediakan dengan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti balai raya, surau, tadika dan rumah penggerak masyarakat Orang Asli (PMOA). Sebahagian besar daripada penduduk kampung telah dipindahkan ke rumah yang telah disediakan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Mereka juga memperolehi kemudahan air paip yang disalurkan ke rumah masing-masing yang berpunca daripada kawasan bukit. Namun begitu, dari segi bekalan elektrik, penduduk kampung masih bergantung kepada generator yang terhad bekalannya dari pukul 7.00 malam hingga 12.00 malam. Begitu juga dengan kemudahan jalan tar yang telah rosak disebabkan pembinaan yang telah lama dan tidak dibaik pulih.

## SOSIO EKONOMI PENDUDUK

### PENDIDIKAN

Dalam perkampungan tersebut terdapatnya sebuah tadika bagi menampung pendidikan awal di kalangan kanak-kanak Orang Asli. Apabila mereka memasuki Sekolah Rendah, mereka akan dihantar ke Sekolah Kebangsaan Ulu Sungai dengan kenderaan yang disediakan oleh pihak JHEOA (En. Ali b. Bakar, temu bual 13 Mac 2002). Sekiranya mempunyai minat yang mendalam terhadap pelajaran, mereka akan menyambung ke peringkat menengah di bandar Raub dengan menetap di asrama yang telah disediakan. Namun begitu, hampir 80% pelajar-pelajar Orang Asli di kampung tersebut menamatkan pelajaran mereka di peringkat sekolah rendah.

### PEKERJAAN

Penduduk kampung Sungai Ruai tidak hanya bergantung kepada sumber perhutanan untuk menyara kehidupan mereka, malah mereka turut bergantung kepada sumber pendapatan dari luar. Namun begitu, sebagai masyarakat Orang Asli, hutan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka. Mereka masih memburu binatang seperti kijang, kancil, beruk, babi, landak, tikus mondok, monyet, ular dan sebagainya, sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual. Bagi penduduk Islam, mereka hanya menangkap binatang yang dihalalkan sahaja. Jika mendapat hasil yang banyak mereka akan menjualnya kepada peraih atau kepada jiran-jiran (Baharom bin Arik, temu bual 16 Mac 2002).

Daripada hutan juga mereka memperoleh buluh, rotan, akar-akar kayu, petai dan buah-buahan. Sebahagian besar hasil tersebut akan dijual kepada peraih. Untuk memungut hasil-hasil yang dikehendaki, mereka akan dibawa dengan lori oleh tauke-tauke Cina. Biasanya tauke tersebut akan memberikan wang terlebih dahulu sebelum memungut hasil hutan tersebut. Apabila hasil hutan diperolehi, barulah dikira jumlah sebenar pendapatan daripada hasil hutan tersebut.

Di samping itu, terdapat juga di kalangan penduduk yang menoreh getah dan mengambil upah menanam serta menyelenggara kelapa sawit yang sedang diusahakan RISDA. Getah merupakan tanaman individu di perkampungan Sungai Ruai. Sehingga kini, hanya Tok Batin yang masih mengekalkan tanaman tersebut. Manakala ladang kelapa sawit adalah satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) bagi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung. Pihak RISDA dalam perancangannya ingin memastikan bahawa setiap keluarga akan memperoleh enam ekar seorang.

Selain daripada itu, penduduk kampung juga bergantung kepada hasil sungai dengan menangkap ikan, menjual hasil kebun seperti pisang, ubi, bekerja sebagai pekerja kilang terutamanya golongan muda, kakitangan kerajaan seperti polis hutan, kakitangan hospital dan sebagainya. Malah ada pemuda-pemudi yang bekerja sebagai pelayan-pelayan hotel seperti di Genting Highland dan sebagai buruh di kebun-kebun bunga di Cameron Highland (Mohd Tahir b. Hj. Kassim, temu bual 17 Mac 2002).

## ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT

Antara adat-adat yang masih diamalkan oleh Orang Asli di Kampung Sungai Ruai ialah adat kelahiran, perkahwinan dan kematian. Manakala kepercayaan animisme adalah kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat kampung ini.

### ADAT KELAHIRAN

Secara umumnya, penduduk di Kampung Sungai Ruai masih mengamalkan adat dan pantang larang semasa kelahiran. Adat kelahiran mereka boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu ketika mengandung dan selepas bersalin. Semasa mengandung, wanita tidak dibenarkan keluar rumah kerana ditakuti gangguan pada bayi yang bakal dilahirkan. Tetapi tidak semua di kalangan mereka berpegang pada adat ini. Bahkan mereka menggalakkan wanita hamil untuk keluar rumah atau masuk ke hutan supaya bayi yang dikandung dapat berkembang dengan baik (Rohimah a/p Yok Lepas, temu bual 17 Mac 2002).

Wanita yang mengandung tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja yang berat bagi menjaga kesihatan ibu dan bayi yang dikandung. Pada masa dahulu, suami tidak dibenarkan membunuh binatang. Kepercayaan ini ditakuti terjadinya

kenan pada bayi tersebut. Wanita yang mengandung juga tidak boleh terkena panas atau tidur berlebihan kerana boleh membawa kepada penyakit. Mereka digalakkan memakan sayuran dan tidak dibenarkan makan daging dan makanan yang berbau.

Selepas bersalin, wanita tersebut perlu berpantang selama satu bulan, manakala suami pula tidak boleh mendekati isterinya sepanjang tempoh tersebut. Isteri perlu mandi dengan air panas untuk menyegarkan badan. Sekiranya tidak merasa sakit, wanita tersebut boleh mandi dengan air sejuk. Wanita yang bersalin mesti menjaga badan dari mengalami kembung atau masuk angin serta mengetatkan kembali urat-urat yang longgar atau kendur semasa bersalin. Lazimnya, ubat yang digunakan ialah daun pisang atau daun bunga raya yang disalai untuk dibuat barut dan ditekap selama 6 hari. Ada juga yang menggunakan daun kayu yang disalai kemudian ditekapkan di perut. Enam hari selepas itu, barulah menggunakan tungku untuk mengecutkan rahim. Pada hari ke tujuh, bayi diberikan nama. Penggunaan perkataan bin, binti, a/p dan a/l akan ditentukan oleh JHEOA.

Selain itu, uri ditanam di bawah rumah dan tidak diletakkan di merata tempat kerana dikhuatiri akan mendatangkan penyakit pada bayi. Uri dianggap kembar kepada bayi. Bayi yang telah dilahirkan akan dicukur oleh bidan. Kenduri kecil akan diadakan. Selalunya bubur kacang akan dihidangkan.

Masyarakat di sini masih lagi mengamalkan perubatan tradisional di mana bomoh menjadi tempat rujukan utama mereka. Begitu juga dalam proses kelahiran, bidan kampung memainkan peranan penting yang bertindak menyambut kelahiran orang baru serta memberi khidmat nasihat kepada ibu yang baru bersalin. Walau bagaimanapun, khidmat doktor diperlukan dalam keadaan yang kritikal. Seperti ibu-ibu di tempat lain, wanita yang mengandung menerima pemeriksaan kesihatan setiap bulan dari Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan membekalkan susu tepung kepada ibu-ibu dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan penduduk kampung.

Kebiasaannya, mereka mempunyai bilangan anak yang ramai. Bagi mereka yang sudah tidak mahukan anak, perlulah merancang keluarga dengan meminimum sejenis air akar kayu yang dinamakan *putus anak*. Untuk tujuan menjarakkan anak, mereka disarankan mengambil sejenis kulat bernama *ubat jarang*.

#### ADAT PERKAHWINAN

Dalam adat perkahwinan masyarakat Semai di Kampung Sungai Ruai, hubungan antara lelaki dan perempuan boleh terjadi melalui dua cara. Pertama, melalui pilihan keluarga. Lelaki yang ingin berkahwin akan menghantar ibu bapanya ke rumah keluarga perempuan. Apabila persetujuan dicapai, kedua-dua pengantin akan tidur bersama. Dengan itu jadilah mereka sebagai suami isteri yang sah. Kedua, melalui pilihan sendiri. Pasangan yang berkahwin tanpa izin, akan diterima oleh ibu bapa mereka setelah mereka tidur bersama.

Namun begitu, sekiranya pengantin perempuan tidak bersetuju dengan perkahwinan yang diatur oleh keluarganya, ibu bapanya akan berjumpa dengan bomoh. Bomoh akan memberikan ubat guna-guna iaitu minyak yang telah dijampi. Menurut En. Ramli b. Yok Tak seorang penduduk Sungai Ruai (temu bual 19 Mac 2002), minyak tersebut berfungsi untuk membuatkan pengantin perempuan bersetuju untuk berkahwin dengan lelaki yang dipilih oleh keluarganya. Kebanyakan perkahwinan hanya akan berlaku apabila kedua-dua belah pengantin bersetuju untuk berkahwin.

Perkahwinan yang diadakan perlu mendapat restu dari Tok Batin. Sekiranya Tok Batin tidak setuju, sedangkan pasangan lelaki dan perempuan telah saling menyukai, perkahwinan tetap akan diteruskan untuk mengelakkan pasangan merajuk atau melakukan tindakan lain. Pasangan yang dipilih adalah di kalangan mereka yang baik, cantik, berkenan di hati dan mempunyai perasaan cinta. Oleh itu, kata putus Tok Batin bukanlah muktamad dalam soal perkahwinan.

Dalam adat perkahwinan masyarakat Semai khususnya di Sungai Ruai, pengantin lelaki tidak disyaratkan membawa sebarang bentuk hantaran walaupun sebetuk cincin kepada pengantin perempuan. Namun begitu, memberi hantaran bukanlah suatu halangan. Terdapat pengantin yang membawa barang hantaran mengikut kemampuan seperti kasut, baju dan sirih pinang.

Semasa majlis perkahwinan diadakan, pengantin lelaki memakai baju Melayu dan pengantin perempuan pula memakai baju kurung. Makanan yang disediakan kepada tetamu seperti nasi, air umbut, pucuk paku dan ikan. Sambil menjamu selera, para tetamu akan diberikan bunga telur sebagai tanda terima kasih di atas kehadiran. Manakala pada waktu malam, mereka mengadakan joget dengan diiringi kumpulan kugiran jemputan.

Dalam masyarakat tersebut, perceraian boleh berlaku sekiranya tidak ada persefahaman antara pasangan. Sebelum berlakunya perceraian, kedua-dua pasangan akan dibicarakan oleh Tok Batin. Tok Batin bertindak sebagai penasihat supaya mereka tidak meneruskan perceraian tersebut. Sekiranya kedua pasangan tersebut ingin bercerai, Tok Batin akan mengizinkan mereka. Namun begitu, perceraian adalah terlalu jarang berlaku dalam masyarakat Semai di Sungai Ruai.

#### ADAT KEMATIAN

Bagi masyarakat Orang Asli suku Semai, apabila berlakunya sebarang kematian, terdapat beberapa adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi sama ada pihak keluarga si mati mahupun masyarakat sekelilingnya.

Bagi orang yang sedang sakit tenat, mereka akan dijampi serapah oleh Tok Batin atau bomoh untuk menyembuhkan penyakit. Sekiranya tidak sembuh, pesakit akan dibawa ke hospital. Jika pesakit tengah nazak dan menunggu masa hendak mati, mereka akan membakar kemenyan. Apabila seseorang itu telah meninggal dunia, berita kematian akan diberitahu kepada kaum keluarga. Mayat akan ditanam tanpa menunggu kepulauan sanak saudara yang jauh.

Sebelum mayat dikebumikan, mereka akan menjaga mayat tersebut terutama pada waktu malam. Sekiranya kucing melintasi mayat tersebut, dipercayai ia akan bangkit semula. Kemudian ia dimandikan dan dipakai dengan pakaian yang cantik untuk bertemu tuhan. Mereka tidak mempunyai tanah yang khusus untuk dijadikan sebagai kawasan tanah perkuburan, malah tempat persemadian akan ditentukan oleh kehendak kaum keluarga sama ada di ladang, rumah dan sebagainya.

Mayat yang akan dikebumikan akan dibawa ke kubur. Bagi mayat kanak-kanak ia akan dikendong oleh ibunya sendiri. Bagi mayat dewasa akan diusung dengan keranda buluh oleh penduduk kampung. Saiz kubur mengikut saiz si mati. Barang-barang yang pernah digunakan oleh si mati akan ditinggalkan bersamanya seperti periuk, pinggan, gelas dan pakaian. Semua ini sebagai bekalan kepada si mati untuk keperluannya dalam kehidupan di dunia yang lain. Kemudian bacaan tertentu dilakukan oleh Tok Bomoh. Berhampiran dengan kubur tersebut, dinyalakan unggun api bagi menghalau roh jahat yang dipercayai akan menggangukannya.

Selepas dikebumikan, kaum keluarga boleh menziarahi dalam tempoh seminggu selepas dikebumikan. Dalam tempoh seminggu atau dua minggu, keluarga si mati dilarang daripada bersuka ria, menyanyi, berbual bahkan dikehendaki mendiamkan diri. Selepas daripada tempoh tersebut, penduduk kampung boleh mengadakan tarian sewang selama seminggu bagi menghiburkan si mati dan secara tidak langsung akan menghilangkan kesedihan pada keluarga tersebut.

Sekiranya kematian itu berlaku ke atas kanak-kanak, ianya tidak akan menimbulkan ketakutan kerana roh kanak-kanak dianggap lemah, begitu juga dengan kematian orang tua. Tetapi, sekiranya kematian itu berlaku ke atas orang muda dan Tok Bomoh, maka kematian itu akan membawa ketakutan terhadap masyarakat kampung kerana rohnya kuat. Kepercayaan inilah yang menyebabkan berlakunya perpindahan di kalangan Orang Asli, sekiranya berlaku satu-satu kematian di sesebuah kampung atau penempatan Orang Asli, kerana takut diganggu oleh roh-roh tersebut.

#### KEPERCAYAAN ANIMISME

Bagi masyarakat Semai khususnya di Sungai Ruai, tuhan yang berkuasa dan menguasai keseluruhan alam ini dikenali sebagai *Nyenang*. Tuhan mempunyai kuasa yang luar biasa ataupun *supernatural* yang dapat menguasai alam manusia, tumbuhan dan binatang. Sungguhpun demikian, dalam tugasnya menjaga alam manusia dan alam tumbuhan ini, ia dibantu oleh dua orang penolong, iaitu *Bidan Asal* dan *Hala' Asal*. Tugas utama Bidan Asal adalah untuk menguasai alam manusia dan Hala' Asal menguasai alam tumbuhan. Mengikut kepercayaan masyarakat Semai hidup dan matinya manusia adalah di bawah penguasaan Nyenang. Namun begitu, kadang-kadang terdapat kesilapan dalam mengambil

soal pengambilan nyawa seseorang oleh *Malaikat Maut* khususnya terhadap nyawa manusia, yaitu sekiranya tuhan Nyenang tidak jadi mengambil nyawa seseorang itu, orang yang hampir mati itu akan hidup semula dan mereka seringkali digelar sebagai mati hidup semula seperti yang berlaku ke atas mangsa-mangsa bencana alam. Walaupun kes kesilapan ini ada, tetapi tidaklah begitu kerap. Oleh yang demikian, menurut kepercayaan masyarakat Semai, tuhan Nyenang ini ada ketikanya membuat kesilapan dalam memutuskan sesuatu perkara yang rumit. Namun demikian, untuk mengelakkan perkara ini terjadi, *Malaikat Sabil* akan selalu memberi petunjuk dan nasihat tertentu kepada Nyenang.

Dalam soal memberi kebaikan, mereka percaya kepada roh *Ngku* yang menolong dalam keadaan apa sekalipun. Manakala roh *Naga* merupakan roh yang sentiasa mengacau dan membawa penyakit serta bala bencana. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat orang yang sakit, roh jahat ini sentiasa mengacau mereka. Untuk menyembuhkan penyakit, bomoh akan memanggil roh baik (*Ngku*) dengan menjalankan upacara-upacara perubatan tertentu untuk memanggil roh tersebut supaya datang untuk menghalau roh jahat.

Di samping kepercayaan di atas, masyarakat Semai di Sungai Ruai mempercayai hantu-hantu yang terdapat di sekeliling mereka. Terdapat empat jenis hantu dalam kepercayaan masyarakat semai iaitu hantu Ludat, Lunwing, Bukit dan Jerangkung. Hantu Ludat merupakan hantu yang tinggal di dalam batu. Tugasnya membawa penyakit kepada manusia dengan menggigit tulang manusia. Hantu Lunwing pula adalah hantu yang tinggal di atas pokok dan mempunyai rupa seperti beruang, bersayap dan boleh terbang. Badannya hitam dan bertaring. Tugasnya untuk membunuh manusia yang melanggar pantang larang dalam kehidupan masyarakat. Manakala hantu Bukit adalah hantu yang tinggal di bukit-bukit dan menyerupai seorang anak perempuan. Jika seseorang Semai menjumpai atau menemui hantu ini di dalam mimpinya, ia boleh diangkat untuk menjadi bomoh selain daripada berguru. Sementara hantu Jerangkung pula adalah sejenis hantu yang tinggal di dalam tanah. Rupanya seperti manusia dan biasanya membawa penyakit kepada manusia (Yunan a/l Pilot, temu bual 18 Mac 2002).

## PENDEKATAN DAKWAH

Untuk menarik Orang Asli kepada Islam, pendekatan dakwah yang perlu dilakukan adalah melalui dakwah secara tidak langsung atau secara *bi al-hal*. Antara pendekatan dakwah yang boleh dilakukan kepada Orang Asli suku Semai di Kampung Sungai Ruai adalah seperti berikut:

*Program ziarah* Program ini merupakan program yang diberi tumpuan utama sebelum pendakwah menyeru sasaran kepada Islam. Di tahap ini pendakwah akan menyelami adat dan pantang larang sasaran seperti kelahiran, perkahwinan

dan kematian. Turut dibincangkan juga adalah budaya sasaran seperti bahasa, kepercayaan dan perayaan bagi sesuatu kaum. Dengan cara ini, sasaran akan merasa dihargai kerana pendakwah sangat berminat hendak mengetahui latar belakang kehidupan mereka.

Apabila sasaran telah mesra dengan pendakwah, maka pendakwah akan menyelami perasaan beragama di kalangan sasaran. Sekiranya mereka berminat, pendakwah akan mula menceritakan tentang Islam dan kelebihanannya kepada sasaran berbanding dengan agama yang lain. Apabila minat mereka berterusan, ini adalah tanda yang positif untuk sasaran memeluk Islam. Ketika inilah pendakwah akan mengajak mereka untuk menganut Islam tanpa sebarang unsur paksaan.

Kepentingan pendekatan ini tidak dinafikan lagi kerana sebagai pendakwah, peranan mereka untuk mendekati sasaran dan salah satu caranya adalah melalui ziarah. Melalui pendekatan ini pendakwah akan dapat menilai sejauhmanakah penghayatan agama yang dianuti oleh sasaran. Berdasarkan kepada pengetahuan tersebut, pendakwah boleh mengatur strategi dakwah dengan lebih berkesan.

*Keluarga angkat* Program dakwah kepada non-Muslim adalah lebih baik diwujudkan dalam bentuk keluarga angkat. Di sini, anak angkatlah yang berperanan besar sebagai pendakwah dan keluarga angkat mereka merupakan sasaran dakwah yang paling hampir berbanding dengan orang lain. Oleh kerana itu, pada peringkat awal sebelum menyeru mereka kepada Islam, pendakwah hendaklah terlebih dahulu mengetahui latar belakang keluarga angkat, bermesra dengan anak-anak keluarga angkat terutama yang masih kecil dan sehinggakan mereka turut makan bersama keluarga angkat di rumah masing-masing. Hal inilah yang akan menyebabkan sasaran biasanya *mengalah* untuk menolak kehadiran pendakwah. Malah para pendakwah juga boleh ke ladang atau ke tempat kerja keluarga angkat mereka untuk membantu mengusahakan ladang pertanian yang diusahakan oleh keluarga angkat.

Kepentingan pendekatan ini adalah supaya setiap pendakwah mempunyai sasarannya yang terfokus untuk diislamkan. Ini akan memudahkan kerja-kerja dakwah kerana tumpuan pendakwah adalah kepada keluarga tersebut sahaja.

*Malam kesenian dan tayangan video* Pada malam kesenian, pelbagai acara diadakan untuk menonjolkan kesenian Islam kepada sasaran. Antaranya pentomen, drama, nasyid, dikir barat, silat, sajak dan pantun. Pada malam tersebut, segala unsur-unsur dakwah diselitkan dalam persembahan yang disampaikan. Malah, sasaran dakwah perlu diberi peluang untuk mempersembahkan kebudayaan mereka melalui pelbagai persembahan seperti nyanyian solo, berkumpulan dan sebagainya.

Manakala tayangan video pula diadakan pada setiap malam, melainkan pada malam kesenian. Antara filem yang ditayangkan adalah seperti filem Hindustan, Melayu dan kartun untuk kanak-kanak keluarga angkat. Pada masa tayangan



milah pendakwah akan berdampingan dengan keluarga angkat mereka bagi merapatkan lagi hubungan mereka sekeluarga. Pentingnya pendekatan ini adalah untuk memperlihatkan bahawa Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk berhibur selagi mana ia tidak bertentangan dengan kehendak syarak.

*Gotong-royong* Gotong-royong diadakan bagi membersihkan kawasan perkampungan seperti menebas semak samun yang terdapat di tepi jalan, membersihkan kawasan sekolah, membersihkan balai raya dan membersihkan kawasan surau sekiranya wujud di penempatan mereka. Peralatan untuk melakukan gotong-royong akan disediakan oleh penduduk kampung terbabit. Gotong-royong diadakan bersama antara pendakwah dan sasaran. Ini adalah penting untuk menunjukkan Islam menitikberatkan kebersihan dalam kehidupan.

*Sukan dan sukaneka* Sukan dan sukaneka juga merupakan pendekatan dakwah yang perlu dilakukan untuk mendekati sasaran dakwah dengan pendakwah. Antara acara sukan yang boleh diadakan adalah seperti bolasepak, bolajaring dan sepak takraw. Manakala sukaneka pula melibatkan acara kanak-kanak (seperti membawa bola dalam sudu, meniup belon, mengisi air dalam botol dan meniup tepung), dewasa (seperti menimbang bola, menyumpit, merebut kerusi, dan sebagainya). Kesemua acara yang dipertandingkan akan melibatkan pendakwah dan sasaran dakwah kecuali pertandingan yang melibatkan kanak-kanak sahaja yang tidak melibatkan pendakwah. Namun begitu, pendakwah akan turut sama memberi sokongan kepada adik-adik angkat mereka yang memasuki pertandingan yang diadakan. Pentingnya pendekatan ini adalah untuk menunjukkan Islam amat menitikberatkan kecergasan dan agama ini tidak pernah menghalang umatnya untuk beriadah selagi mana bersukan di dalam batas-batas yang dibenarkan.

*Khidmat kesihatan* Khidmat kesihatan melibatkan Jabatan Kesihatan Daerah. Jabatan tersebut akan berada di lokasi dalam tempoh yang tertentu untuk memberi rawatan kepada penduduk kampung. Semasa program tersebut diadakan, pendakwah akan membawa keluarga angkat mereka ke lokasi rawatan dan akan menunggu sehingga keluarga angkat mereka selesai menerima rawatan. Tujuannya untuk menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan kesihatan diri.

*Majlis dailog* Majlis dailog diadakan antara pendakwah dan sasaran untuk menerangkan Islam kepada sasaran atau untuk menjelaskan kekeliruan mereka terhadap Islam. Majlis ini biasanya akan lebih membuka minda sasaran terhadap Islam. Majlis ini juga akan dapat melihat persepsi sasaran terhadap Islam selama ini dan apakah yang menghalang mereka untuk menerima Islam. Biasanya hasil perbincangan dengan sasaran, pendakwah akan dapat mencari kaedah untuk berdakwah kepada mereka.

Suatu hal yang sangat menarik dalam majlis ini ialah penduduk kampung datang beramai-ramai untuk berhujah tentang kekeliruan mereka terhadap Islam

dan mereka tidak sedikitpun berundur meninggalkan majlis. Malah setelah majlis tamatpun mereka masih mengadakan perbincangan *face to face* dengan anak angkat mereka untuk mendapat penjelasan tentang agama Islam. Pentingnya pendekatan ini adalah untuk menjelaskan kedudukan ketinggian dan kesucian Islam.

*Program motivasi* Program ini biasanya melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan kanak-kanak di lokasi program yang diadakan. Mereka didedahkan dengan pengalaman pendakwah mendapat pendidikan dan bagaimana hendak menjadi seorang yang cemerlang dalam pembelajaran. Di samping itu, kanak-kanak turut didedahkan dengan pelbagai kisah dan mereka turut diajar dengan lagu-lagu yang berfaedah untuk mereka seperti nasyid. Pentingnya pendekatan ini adalah untuk mendedahkan kepada generasi muda tentang agama Islam.

Kesemua program di atas, diatur dengan rapi supaya objektif pengislaman tercapai. Bagi melicinkan program, setiap malam pendakwah akan mengadakan perbincangan untuk mengambil tindakan pada keesokan harinya. Bagi menguatkan semangat dan mengisi keperluan kerohanian, para pendakwah turut mengadakan beberapa program yang mengukuhkan hubungan mereka dengan Allah S.W.T. seperti mengadakan *qiam al-lail*, membaca al-Quran, sembahyang hajat agar program ini mendapat kejayaan sama ada dalam jangka masa yang pendek mahupun dalam jangka masa yang panjang.

#### KEBERKESANAN DAN HALANGAN DAKWAH

Keberkesanan pendekatan di atas dapat dilihat di mana seramai sembilan belas orang telah berjaya diislamkan oleh para pendakwah. Mereka ialah Semah a/p Angin, Suasa a/p Yok Chah, Jelani b. Yok Chah, Munah bte Yok Chah, Aslinda bte Othman, Asina bte Othman, Lamsah b. Akob, Pudak bt. Laboh, Salmah bte Yok Tep, Let b. Keledah, Sira bte Let, Amin b. Let, Nawı b. Let, Leley bt. Let, Simai bin Rosman, Hasıma bte Simai, Era bte Simai, Rahil b. Simai, Noradila bt. Simai.

Hasil daripada pendekatan dakwah yang dilakukan, ramai masyarakat Orang Asli yang positif dengan agama Islam. Namun disebabkan oleh halangan-halangan tertentu, hasrat mereka untuk memeluk agama Islam terbantut. Antara halangan yang dikenal pasti menjejaskan usaha dakwah ini ialah:

1. Kepercayaan masyarakat kampung yang terlalu kuat kepada fahaman Kristian. Kepercayaan tersebut begitu menebal dalam anutan mereka sehingga mereka boleh membaca Bible dan memahaminya dengan baik. Malah ada juga yang bergantung kepada ketua keluarga contohnya seperti keluarga Yok Ahat b. Yok Bigun, yang begitu berpegang dengan pandangan Ahat. Bagi yang berkepercayaan animisme, mereka bergantung kepada Baharom b. Arik yang cukup berpengaruh di kalangan penduduk kampung.

Sekiranya kedua-dua tokoh tersebut dapat diislamkan, maka proses pengislaman penduduk kampung yang lain akan menjadi mudah.

2. Pandangan negatif masyarakat kampung terhadap orang Islam yang tidak mencerminkan keperibadian Islam yang sebenar.
3. Penggerak Masyarakat tidak memainkan peranan yang memuaskan terhadap mereka yang telah diislamkan seperti membimbing mereka yang telah Islam.
4. Tidak kurang juga yang memberi alasan sedang membuat penyelidikan terhadap Islam, tidak sampai masa, belum terbuka untuk memeluk agama Islam dan sebagainya dengan pelbagai helah dan alasan.

Sebenarnya, alasan-alasan yang diberikan merupakan helah mereka untuk menolak agama Islam. Ini adalah kerana, dalam sejarah para nabi, kaum mereka telah menggunakan pelbagai alasan untuk menolak kebenaran yang dibawa. Dalam dakwah Nabi Nuh misalnya, kaumnya telah membuat pelbagai helah untuk menolak seruan Nabi Nuh dengan beberapa alasan seperti Nabi Nuh manusia biasa, pengikut Nabi Nuh orang yang lemah dan Nabi Nuh seorang pembohong (Afif Abdullah 1985: 86). Dalam dakwah Nabi Hud pula kaumnya telah membuat helah untuk menolak seruannya dengan tuduhan beliau seorang yang kurang akal dan berdusta kerana baginda telah menghalang kaumnya daripada menyembah Thamud dan Hattar. Nabi Hud telah menolak tuduhan itu seperti yang dijelaskan dalam al-Quran (al-A'raf: 67-68) dengan mengatakan:

Hai kaumku! Bukanlah aku dalam keadaan kurang akal seperti kamu sangkakan. Tetapi aku adalah utusan Allah, Tuhan sekalian alam. Aku diutuskan untuk memberi peringatan kepada kamu semua dengan menerangkan dan menjelaskan segala perkara yang diperintahkan Allah dan segala perkara yang ditegah-Nya, begitu juga segala bebanan yang diwajibkan oleh Allah kepada umat manusia. Aku bagi kamu adalah seorang penasihat yang jujur dalam menyampaikan perutusan Tuhan dan bukanlah aku seorang pendusta (Ahmad Sohandji Mohamad 1989, 8: 218).

## KESIMPULAN

Bagi menyelesaikan halangan dakwah di kalangan Orang Asli, beberapa tindakan perlu diambil untuk menjayakan dakwah dengan lebih baik pada masa depan di penempatan tersebut. Antaranya ialah:

1. Tindakan segera perlu diambil supaya tidak berleluasanya pengaruh Kristian dalam masyarakat Orang Asli yang dilihat sebagai satu kepercayaan yang boleh menghalang usaha dakwah Islamiah. Bukti yang menunjukkan kuatnya pengaruh dan perkembangan Kristian dalam masyarakat kampung tersebut ialah dengan wujudnya sebuah gereja dan peranan mubaligh mereka yang dikatakan masuk setiap minggu untuk mengembangkan fahaman tersebut.

2. Menyediakan Penggerak Masyarakat yang mempunyai komitmen tinggi terhadap tugasnya untuk membimbing mereka yang baru dan telah memeluk agama Islam, kepada penghayatan Islam yang sebenar.
3. Membuat program yang berterusan dalam bentuk keluarga angkat untuk menyaingi pendekatan yang dilakukan oleh Kristian.
4. Melakukan dakwah kepada masyarakat Islam yang berjiran dengan perkampungan Orang Asli, khususnya di Sungai Ruai supaya tercernanya keperibadian Islam daripada masyarakat. Tindakan ini akan memudahkan usaha dakwah yang dilakukan.

Pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, perlu dilakukan dalam bentuk dakwah *bil al-hal* iaitu dakwah secara tidak langsung dan pendekatan ini terbukti keberkesanannya. Aktiviti susulan juga amat penting dilakukan demi memantapkan penghayatan Islam dalam kehidupan mereka.

#### RUJUKAN

- Afif Abdullah. 1985. *Nabi-nabi dalam al-Quran*. Semarang: Toha Putra.
- Ahmad Sohandji Mohamad. 1989. *Tafsir al-Quran di radio*. Juz. 8 & 9. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Iskandar Carey. 1976. *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roslan Mohamed. 2003. Pendekatan dakwah Nabi Musa a.s. berdasarkan Surah al-Qasas. *Jurnal YADIM* 4. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- W. Richard. 1947 *The Malay: A cultural history*. T.tp: Routledge and Kegan Paul Ltd.

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 yusuf@pkrisc.cc.ukm.my  
 dzuwan@pkrisc.cc.ukm.my  
 anteh@pkrisc.cc.ukm.my